

## BAB 3

### KEHAMILAN, KELAHIRAN DAN UPACARA LINGKARAN HIDUP

#### 3.1 Pendahuluan

Bab ini menghuraikan tentang proses kelahiran anak dalam masyarakat Melayu Pulau Tuba, serta amalan, kegiatan dan upacara yang berlangsung di sepanjang proses tersebut. Turut ditinjau ialah berkenaan kepentingan anak dalam keluarga serta nilai-nilai asas yang menjadi cita-cita, dan harapan keluarga dan masyarakat untuk dipupuk ke atas anak.

#### 3.2 Kepentingan anak dalam Keluarga Melayu di Pulau Tuba

Seperti dalam lain masyarakat setiap pasangan yang berkahwin dalam masyarakat Pulau Tuba mempunyai matlamat untuk memiliki anak. Kehadiran anak dalam kehidupan berkeluarga sememangnya mengembirakan. Kegembiraan ini dikongsi bersama saudara mara dan jiran sekampung melalui kunjungan yang dilakukan, terutamanya oleh kaum wanita. Kunjungan dilakukan untuk melihat dan bertanya khabar tentang orang baru. Jantina anak sama ada perempuan (orang dapur) atau lelaki (orang balai) diterima dengan rasa penuh kesyukuran. Anak dalam

masyarakat yang dikaji dianggap sebagai rezeki<sup>1</sup> yang dikurniakan oleh Allah. Pasangan suami isteri yang belum dikurniakan anak dikatakan masih belum mempunyai rezeki. Sekiranya seorang wanita belum mengalami tanda-tanda kehamilan atau lekat perut setelah setahun berkahwin, si isteri akan diambil berat dan ditanya oleh saudara mara dan jiran-jiran. Mereka bersedia memberi pertolongan dan bantuan dengan cara membawa wanita tersebut berjumpa bomoh dan berubat (tolong berubat). Hampir 90 peratus pasangan suami isteri yang ditemui di tempat kajian mendapat anak pertama (anak sulung) dalam jangka masa setahun berkahwin dan pasangan selebihnya, di antara dua hingga tiga tahun selepas berkahwin.

Sesebuah rumah tangga dikatakan sunyi dan tidak berseri (tiada seri) tanpa kehadiran anak. Anak dalam masyarakat yang dikaji, adalah sumber keseronokan, kesejahteraan dan ketenangan jiwa, iaitu aspek dalaman dan kejiwaan yang melibatkan perasaan dan sukar untuk dijelaskan. Walau bagaimanapun, perasaan ini banyak didemonstrasikan terutama ketika anak masih kecil. Seorang bapa memberitahu saya bahawa dia dapat melupakan segala kepenatan yang dialaminya setelah pulang dari laut apabila berkumpul, bermain dan melayan anak. Kemeriahan

---

<sup>1</sup> Rezeki adalah hasil dari kebaikan yang ditentukan oleh Tuhan.

dan suasana ceria dinikmati di rumah hasil keriuhan suara anak-anak. Seorang ibu yang ditemui, menyatakan bahawa dia tidak dapat hidup tanpa anak-anak dalam erti kata, disebabkan sudah biasa dengan kesibukan melayan anak-anak, meskipun beliau mengakui mengalami kepenatan, kesunyian dirasai apabila anak-anak tiada di rumah walaupun untuk seketika. Situasi ini paling dirasai oleh ibu bapa yang sudah tua, di mana anak-anak mereka kesemuanya sudah besar dan tidak lagi tinggal bersama lebih-lebih lagi anak-anak yang tinggal di luar kawasan kajian. Bagi mengatasi rasa sunyi, terdapat beberapa kes datuk dan nenek memelihara cucu atau mengambil cucu tinggal bersama mereka buat seketika terutama di waktu cuti persekolahan. Daripada kajian yang dilakukan terdapat tujuh kes keluarga memelihara cucu dan satu kes melibatkan pemeliharaan cicit. Kesemua kes ini melibatkan datuk dan nenek yang berusia 60 tahun ke atas.

Rata-rata ibu bapa yang ditemui berbangga dengan jumlah anak yang ramai. Mereka mengakui bilangan anak yang ramai adalah baik. Anak dianggap sebagai sumber kebanggaan ibu bapa. Apabila berjumpa kenalan atau saudara mara yang jarang ditemui, pertama sekali mereka akan disoal tentang bilangan anak. Pasangan yang memiliki anak yang sedikit didoakan supaya mendapat anak lagi, dan keluarga yang tidak dikurniakan anak dikasihani lagi,

oleh masyarakat. Semua ibu bapa mengharapkan kesemua anak mereka menjadi anak yang baik dan soleh, berguna dan berjaya dalam kehidupan. Ibu bapa yang memiliki anak-anak yang sedemikian dianggap bertuah dan paling beruntung kerana tidak semua ibu bapa mampu mempunyai anak-anak yang sedemikian.

Contoh kes:

Seorang bapa kepada sepuluh orang anak ketika ditemui menjelaskan, "Anak-anak seperti setandan kelapa, ada juga yang buruk, amatlah beruntung mempunyai bilangan anak yang ramai, kalau tak semua, sekurang-kurangnya seorang dua akan menjadi anak yang baik."

Dalam masyarakat tani, semestinya anak menjadi harta yang penting dan berkekalan bagi sesebuah keluarga. Aktiviti pengeluaran dalam masyarakat tani bergantung kepada tenaga kerja keluarga (Firth; 1990: 5). Anak-anak adalah sumber bantuan dalam keluarga. Ibu bapa yang anak-anak mereka sudah besar dan tidak lagi tinggal bersama sering merungut, "kalau ada anak boleh suruh-suruh, sakit pening boleh tolong picit-picit." Harapan setiap ibu bapa ialah supaya anak-anak sama ada yang masih kecil atau yang sudah besar dapat membantu mereka dalam tugas-tugas sehari-hari berdasarkan kemampuan masing-masing. Anak yang masih kecil diharap dapat membantu mengambil barang-barang dan melakukan tugas-tugas

ringan. Anak yang sudah besar diharap dapat menyumbang tenaga dalam aktiviti ekonomi sementara anak yang sudah bekerja diharap menolong perbelanjaan di rumah atau sekurang-kurangnya mengurangkan bebanan ibu bapa. Dalam sebuah keluarga yang mempunyai anggota yang besar, bantuan anak perempuan paling diperlukan. Seorang ibu tidak terdaya untuk melakukan dan menyiapkan kesemua tugas domestik, dan menjadi tanggungjawab anak perempuan untuk membantu meringankan beban tugas ibu.

Selain menjadi sumber bantuan, anak juga adalah tempat bergantung hidup, mengadu nasib, dan menumpang kasih, terutama di hari tua dan di waktu sakit. Memelihara ibu bapa yang sudah tua adalah tanggungjawab seorang anak. Anak yang tidak sanggup memelihara dan menjaga ibu bapanya dianggap oleh masyarakat sebagai anak yang tidak mengenang jasa. Walaupun kebanyakan ibu bapa yang ditemui seboleh-bolehnya cuba mengelak daripada menyusahkan anak-anak, terutama anak-anak yang telah berumah tangga, tetapi mereka sentiasa mengharapkan balasan daripada anak-anak (makan jasa anak). Ibu bapa tidak mengharapkan harta atau duit ringgit daripada anak-anak, tetapi apa yang lebih penting ialah supaya anak-anak datang menjengok dan bertanya khabar sebagai tanda mengambil berat terutama ketika sakit.

Contoh Kes:

Ismail mempunyai empat orang anak, tiga daripada anaknya telah meninggal dunia. Dia tinggal bersendirian selepas kematian isterinya sementara anak yang masih hidup tidak lagi tinggal bersamanya selepas berkahwin. Kesunyian amat dirasai tanpa anak-anak ditambah pula anak menantu dan cucu-cucunya jarang datang melawat walaupun masih tinggal di Pulau Tuba. Ismail sering bersungut dengan nada yang sedih setiap kali jiran-jiran melawat beliau. Walau bagaimanapun, rungutan tersebut tidak pernah dibuat di hadapan anaknya.

Dalam kes tadi didapati masyarakat melihat tindakan si anak sebagai tindakan yang tidak wajar. Bagi mereka, sepatutnya, si anak perlu tinggal bersama bapanya atau membina rumah berhampiran rumah bapanya supaya senang menjengok dan bapanya dapat bermain dengan anak cucunya untuk menghilangkan kesunyian.

Tahap sosio ekonomi yang rendah tidak menghalang setiap keluarga daripada mempunyai bilangan anak yang ramai dan jauh sekali daripada mereka menyerahkan anak-anak untuk dipelihara oleh orang lain. Kajian yang dilakukan di Pulau Tuba mendapati, tiada kes pengguguran anak dikesan. Lagi pun, pada anggapan penduduk di sini, perbuatan menggugurkan anak adalah tergolong di dalam dosa besar, iaitu dosa membunuh

seorang manusia. Hanya pil perancang keluarga<sup>2</sup> digunakan untuk menjarakkan kelahiran. Pengambilan pil perancang hanya untuk mengelak daripada mengandung, bukannya untuk tujuan pengguguran. Masyarakat di sini percaya bahawa rezeki telah ditetapkan oleh Tuhan ke atas setiap orang anak. Kadang kala kelahiran anak dipercayai boleh membawa tuah kepada sesbuah keluarga. Tuah anak ialah dalam bentuk peluang rezeki yang diperolehi oleh keluarga tersebut.

Hanya satu kes pengambilan anak angkat (anak bela) dikesan di kawasan kajian. Kes ini melibatkan keluarga yang telah sedia mempunyai dua orang anak. Keluarga ini memelihara anak seorang penduduk kampung yang tidak siuman. Anak tersebut mengenali bapanya dan sering berkunjung terutama semasa Hari Raya.

Walaupun pada umumnya, kehadiran anak dalam keluarga Melayu, sama ada lelaki atau perempuan diterima dengan penuh rasa kesyukuran tanpa memperlihatkan sebarang perbezaan dari segi tumpuan, layanan dan kasih sayang, namun bagi masyarakat yang dikaji timbul penilaian yang berbeza tetapi tidak begitu jelas tentang

---

<sup>2</sup> Pil Perancang Keluarga dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN) dan boleh dibeli di Klinik Desa, Pulau Tuba atas pengawasan Bidan Kerajaan.

kepentingan jantina anak di dalam keluarga. Perbezaan penilaian terhadap kepentingan jantina anak diasaskan oleh perbezaan peranan di antara anak lelaki dengan anak perempuan. Beberapa orang bapa ketika ditemui menyatakan kegembiraan apabila mendapat anak dan kegembiraannya bertambah lagi jika anak tersebut adalah lelaki. Dalam masyarakat yang dikaji, anak lelaki adalah tunggak atau waris dalam keluarga. Anak lelaki diharapkan membantu keluarga dengan mengambil alih sebahagian peranan bapa dalam keluarga apabila bapa meningkat usia dan memainkan peranan sebagai ketua keluarga dan menggantikan bapa setelah bapa meninggal dunia. Anak lelaki biasanya akan bertanggung jawab penuh ke atas keluarga setelah bapanya meninggal dunia dengan memberi perlindungan dan penaungan kepada adik-adik dari segi ekonomi, pendidikan dan mengambil keputusan penting dalam keluarga setelah berbincang dengan ibu meskipun setelah memiliki keluarga sendiri. Anak lelaki yang telah baligh akan menjadi kepala kuasa, iaitu mempunyai tanggung jawab dalam hal ehwal perwarisan dan perwalian bagi keluarganya.

Sementara anak perempuan tidak diharapkan untuk berperanan seperti lelaki kerana selepas berkahwin mereka akan dibawa orang (suami) dan tertakluk kepada kuasa suami. Keadaan ini berlaku kerana sifat tidak diharapkan untuk bekerja, sebaliknya perlu menumpukan kepada tugas-

tugas domestik. Oleh itu, dari segi ekonomi isteri memperlihatkan sifat pergantungan kepada suami, sentiasa taat dan patuh kepada suami. Sifat pergantungan ini memperlihatkan seolah-olah isteri hidup menumpang suami (suami bela). Oleh itu pada dasarnya, sebarang bantuan untuk keluarga orientasi isteri haruslah terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada suami. Bagi kaum wanita, mereka lebih gembira memperolehi anak perempuan, atas alasan, anak perempuan dapat membantu mereka dalam tugas-tugas sehari-hari di rumah terutama semasa anak perempuan belum berkahwin dan masih diharapkan untuk membantu meskipun selepas berkahwin terutama jika berlangsung upacara-upacara kekeluargaan atau kenduri.

Walau bagaimanapun, bagi keluarga yang telah sedia mempunyai anak dari jantina yang sama, berusaha tanpa berputus asa untuk mendapat anak daripada jantina yang berbeza. Kecenderungan bagi keluarga yang menghadapi keadaan ini ialah kekerapan jarak kelahiran. Mereka akan menjarakkan kelahiran atau mengelak daripada mengandung (berhenti beranak) apabila mendapat anak daripada jantina yang berbeza.

### 3.3 Mengandung

Saat paling gembira dalam kehidupan bersuami isteri ialah berita tentang kehamilan isteri (lekat perut). Lazimnya, si isteri tidak mengetahui secara pasti tentang kehamilan. Tanda kehamilan yang paling mudah bagi mereka ialah tiada datang haid (tidak datang bulan). Disebabkan mereka kurang pasti tentang kehamilan, berita kehamilan pada peringkat awalnya dirahsiakan untuk menghindarkan rasa malu sekiranya berita tersebut tidak benar, kecuali kepada suami dan ibu. Untuk mendapat kepastian, isteri dinasihat berjumpa bidan kerajaan dan sekiranya disahkan hamil, berita tersebut akan tersebar dengan cepat ke seluruh kampung. Usia kandungan dikira bermula dari tarikh akhir datang haid.

Tanda-tanda kehamilan berbeza di antara seorang wanita dengan wanita yang lain. Perubahan normal semasa proses mengandung seperti yang dinyatakan oleh wanita yang ditemui di tempat kajian ialah seperti keletihan, demam pagi, pening-pening, loya, dan muntah-muntah. Untuk mengelakkan rasa loya dan mual (melugai), wanita yang mengandung gemar mengambil makanan yang masam seperti buah-buahan atau makan sirih dan pinang.

Mengandung adalah tahap bahaya dan membimbangkan dalam peringkat hidup seorang wanita, terutama bagi wanita yang mengalami pengalaman pertama kali mengandung. Oleh sebab itu, semasa proses mengandung, terdapat berbagai bentuk pantang larang. Pantang larang bertindak sebagai ikatan yang membendung wanita yang mengandung daripada melakukan sesuatu perbuatan yang dipercayai boleh mendatangkan keburukan atau perkara yang tidak diingini terutama daripada kuasa luar biasa. Keadaan ini boleh menimbulkan ketakutan dan kebimbangan supaya wanita yang mengandung mematuhi seterusnya boleh mendatangkan kebaikan berupa kesihatan dan keselamatan kepada si pengamal.

Pantang larang sebagai "sympathetic magic" iaitu bukan sahaja dapat mengurangkan tekanan perasaan tetapi merupakan jalan keluar bagi ibu-ibu yang mengandung untuk mendapatkan ketenangan jiwa dalam menanti saat-saat kelahiran (Zaharah Yunus; 1988: 28). Ketakutan, kebimbangan dan kegusaran tentang kemungkinan-kemungkinan seperti kecacatan anak di dalam kandungan, berhadapan dengan bahaya ketika mengandung dan semasa bersalin adalah mesej yang jelas, mengapa pantang larang perlu dipatuhi. Kebimbangan dan ketakutan akan hilang selagi wanita yang mengandung mematuhi setiap pantang larang.

Dua aspek penting yang diambil berat ketika proses mengandung ialah kesihatan serta keselamatan ibu dan anak di dalam kandungan. Masyarakat di Pulau Tuba mempercayai bahawa tahap kehidupan seorang anak bermula semenjak anak masih di dalam kandungan lagi. Mereka juga mempunyai ilmu mengenai baka keturunan; seorang anak boleh mempusakai sifat-sifat kedua ibu bapa baik dari segi akhlaknya, tingkah laku atau sifat jasmani dan fikirannya. Oleh itu, semasa mengandung, bakal ibu dipastikan sihat tubuh badannya. Gangguan kesihatan yang dihadapi oleh wanita yang mengandung boleh mempengaruhi jiwanya. Gangguan kesihatan ibu dipercayai boleh mempengaruhi serta mempunyai kesan yang paling rapat dengan pertumbuhan dan perkembangan anak di dalam kandungan. Perlanggaran pantang larang dikhuatiri akan membawa kesan terutamanya kesan fizikal, iaitu melibatkan kecacatan pada anak dan kesan kejiwaan dan mental yang melibatkan perangai dan akal. Ibu bapa mempunyai cita-cita dan harapan yang tinggi agar anak yang bakal dilahirkan mempunyai sifat-sifat fizikal sebagai manusia normal dan sifat kejiwaan dan mental supaya anak berkeupayaan menyesuaikan diri dengan mudah dengan masyarakat dan berkemampuan hidup berdikari. Kecacatan yang serius seperti buta, bisu atau kecacatan mental (bodoh) hanya akan mengganggu proses pembudayaan yang dilalui oleh anak untuk menjadi anggota masyarakat yang

berguna. Anak yang cacat dikatakan hidup tidak seperti orang lain dan kehidupan mereka di dalam masyarakat banyak berasaskan simpati daripada masyarakat.

Ibu muda ketika mengandung sentiasa di dampingi oleh ibu tua. Kaum ibu yang lebih tua mempunyai pengaruh yang lebih kuat meskipun daripada lelaki dalam hal ehwal sakit dan pantang larang. Golongan ini bertindak menegur ibu muda dalam setiap tindak tanduk yang melanggar pantang larang. Ibu muda terpaksa mematuhi setiap pantang larang tanpa banyak soal kerana cubaan mempertikaikan tidak mungkin berlaku disebabkan rasa hormat yang tinggi. Kadang kala sebahagian pantang larang tidak begitu tegas dipatuhi oleh ibu muda kerana mereka meragui kebenarannya. Namun demikian, mereka masih tetap mengikutnya kerana sudah menjadi warisan (ikut orang tua) dan merupakan jalan terbaik bagi menghilangkan ketakutan dan kebimbangan tentang kemungkinan ketika bersalin dan kematian bayi. Alasan pantang larang seperti diberi oleh kaum ibu yang tua adalah dengan merujuk kepada beberapa contoh tentang kecacatan dan perkara buruk yang pernah berlaku kepada penduduk yang berpunca daripada perlanggaran pantang larang tersebut.

Bentuk pantang larang yang diamalkan secara meluas dalam masyarakat yang dikaji ialah pantang larang yang melibatkan pola-pola perlakuan. Pantang larang dalam perlakuan bukan sahaja dikenakan terhadap isteri yang mengandung tetapi juga dikenakan kepada anggota lain dalam keluarga terutamanya suami. Suami perlu patuh kepada pantang larang demi untuk kebaikan isteri dan anak di dalam kandungan (Ladermen; 1979: 143). Setiap tindak tanduk isteri dan suami dalam kehidupan sehari-hari, dipercayai mudah mempengaruhi anak di dalam kandungan. Pengaruh ini boleh berupa pengaruh terhadap fizikal (kena badi) atau pengaruh kejiwaan seperti perangai ibu bapa dipercayai akan diwarisi (keturun) oleh anak.

Pantang larang paling ditekankan untuk dipatuhi dalam tempoh kandungan tujuh bulan (perut tujuh). Masyarakat di sini mempercayai tempoh lima bulan pertama, adalah tempoh berlakunya proses pembentukan anggota tubuh badan anak. Kandungan dalam tempoh ini masih dalam bentuk ketulan darah. Selepas kandungan berusia lima bulan, dipercayai roh telah diintegrasikan dengan jasad dan kandungan mulai dirasakan berdenyut-deniyut (menyedu).

Pola-pola perlakuan yang dilarang melibatkan perbuatan yang dianggap tidak baik dan melanggar norma dan nilai masyarakat seperti melakukan penyiksaan ke atas

binatang, tetapi dibenarkan untuk membunuhnya dengan tujuan tertentu seperti untuk makanan atau keselamatan. Perlakuan lain yang dilarang adalah melihat sebarang peristiwa yang boleh menimbulkan ketakutan atau rasa terkejut seperti melawat dan melihat orang mati, melihat benda atau peristiwa yang ganjil, dan menggunakan peralatan yang tidak sempurna sifatnya seperti makan dalam pinggan yang sumbing. Walaupun begitu, unsur-unsur ketakutan berbeza di antara seorang wanita dengan wanita yang lain. Anggota keluarga juga tidak dibenarkan melintas di belakang wanita yang mengandung sehingga boleh menimbulkan kejutan kerana dikhawatiri perangai anggota keluarga yang melintas akan mempengaruhi anak di dalam kandungan.

Pantang larang makanan seperti yang ditemui oleh Abu Hassan Othman (1971) tidak meluas diamalkan dalam masyarakat yang dikaji dan tidak memerlukan kepatuhan yang ketat seperti pantang larang dalam perlakuan. Menurut Abu Hassan Othman (1971: 132), seorang isteri yang hamil dilarang memakan buah-buahan kembar seperti pisang, memakan sayuran-sayuran yang sejuk, seperti timun, rebong, kangkong, daun pucuk manis, pisang embun, pisang nangka, nangka dan gulai yang banyak garam.

### 3.4 Mandi Tian

Apabila usia kandungan mencapai ke tujuh bulan (perut tujuh), pantang larang tidak lagi dikenakan ke atas wanita yang mengandung. Ini disebabkan, selepas tempoh tersebut kandungan dipercayai telah mencapai peringkat pertumbuhan anggota yang lengkap, iaitu memiliki sifat-sifat seperti manusia atau jadi orang. Ketika ini kandungan dirasai mulai bergerak-gerak. Dalam tempoh ini juga upacara mandi tian dijalankan. Lazimnya mandi tian dilakukan ke atas wanita yang mengandungkan anak sulong. Upacara ini bertujuan memudahkan proses melahirkan anak dan seterusnya dapat menghindarkan kemungkinan buruk dan bahaya kepada ibu dan anak.

Upacara mandi tian dilakukan oleh bidan kampung. Dalam upacara ini wanita yang mengandung dipakaikan kain pelikat, biasanya kain sarong milik suami, dan didudukkan di atas anak tangga. Dengan menggunakan sebijji telor ayam, bidan akan menggolek-golekkan telor ayam, bermula dari bahagian ubun-ubun dan turun perlahan-lahan sehingga ke bahagian perut. Bidan akan melakukan beberapa siri pusingan di bahagian perut kemudian melepaskan telor ayam sehingga jatuh dan pecah di tanah atau lantai. Adalah diharapkan wanita yang mengandung akan mudah melahirkan anak sebagaimana

mudahnya telor ayam itu jatuh dan pecah. Wanita tadi kemudiannya dimandikan dengan air yang telah disediakan di dalam buyung yang dikhaskan untuk upacara tersebut.

### 3.5 Menyambut Budak

Melahirkan anak adalah saat penting dan paling mencemaskan. **Bidan kampung** dan **bidan kerajaan** dijemput apabila seseorang wanita mengalami kesakitan hendak bersalin. Bidan kerajaan ialah Jururawat Desa yang ditempatkan di Klinik Desa untuk menjalankan tugas-tugas perbidanan. Bidan Kerajaan terdiri daripada mereka yang telah dipilih berdasarkan kelayakan akademik dan mendapat latihan perbidanan moden dari Kementerian Kesihatan. Mereka adalah kakitangan kerajaan yang diberi kuasa dan dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan perkhidmatan kesihatan asas yang berkaitan dengan kesihatan ibu dan anak. Bidan Kerajaan yang berkhidmat di kawasan kajian berusia 25 tahun dan masih belum berkahwin ketika mula-mula datang berkhidmat.

Bidan kampung terdiri dari wanita yang tidak mendapat sebarang latihan daripada Kementerian Kesihatan. Bidan kampung yang terdapat di tempat kajian bernama Tok Hawa dan berumur 50 tahun. Beliau mempelajari ilmu perbidanan melalui keturunan, iaitu mewarisi ilmu

perbidanan daripada golongan sebelumnya. Bidan kampung yang tidak berdaftar dan tidak mendapat latihan daripada Kementerian Kesihatan atau tidak masuk kerajaan tidak dibenarkan mengendali dan menguruskan kelahiran anak kerana perbuatan tersebut menyalahi undang-undang yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Walau bagaimanapun, disebabkan rasa tanggung jawab terhadap tugas dan niat suci untuk menolong penduduk kampung (tolong kerana Allah) terutamanya saudara mara mereka, bidan kampung tetap berada di sisi pesakit jika dijemput. Terdapat beberapa kes di mana bidan kampung bertugas menyambut budak terutamanya apabila ada permintaan daripada keluarga pesakit atau ketika bidan kerajaan sedang bercuti atau terlewat sampai. Biasanya pada permulaan rasa sakit hendak bersalin, bidan kampung di panggil terlebih dahulu, jika tiada sebarang perubahan yang memerlukan pertolongan segera, barulah bidan kerajaan dipanggil. Kadang kala bidan kampung dimarahi oleh bidan kerajaan kerana cuba menunjuk pandai dengan membelakangkannya.

Walau bagaimanapun, bidan kampung dan bidan kerajaan memperlihatkan hubungan tugas saling melengkapi. Meskipun bidan kerajaan mendapat latihan formal tentang prinsip-prinsip perbidanan moden, tetapi mereka tetap

memandang tinggi dan menghormati bidan kampung yang jauh lebih tua dan mempunyai banyak pengalaman dan ilmu, iaitu amalan tradisi tentang selok belok dan pantang larang yang berkaitan dengan kelahiran, pemulihan dan penjagaan kesihatan serta mempunyai pengetahuan berkaitan kepercayaan dan hubungan dengan kuasa luar biasa yang berkaitan dengan proses kelahiran dan perbidanan.

Tugas bidan kampung terhad kepada upacara-upacara yang berkaitan dengan kelahiran dan memperolehi bayaran dan pemberian sagu hati di atas perkhidmatan yang diberikan. Tugas bidan kampung ialah dalam upacara manditian, cukur rambut, mengurut ibu selepas bersalin dan menyunat anak perempuan. Sementara tugas bidan kerajaan ialah menjaga hal-ehwal kesihatan ibu dan anak seperti memeriksa kesihatan ibu ketika mengandung, memberi khidmat nasihat tentang amalan kesihatan, mengadakan lawatan dari rumah ke rumah ibu mengandung dari semasa ke semasa dan memeriksa keadaan kesihatan anak dan ibu selepas bersalin.

Ibu yang sakit akan dibaringkan di atas tikar mengkuang dalam sebuah bilik yang terpisah oleh tabir dari bahagian-bahagian lain rumah berhampiran lantai jarang yang menjadi tempat limbahan sama ada untuk mandi atau membuang air. Saudara mara dan jiran-jiran yang

berdekatan diberitahu dan datang berkumpul, berjaga dan berbual sesama mereka untuk menunjukkan mereka mengambil berat. Bagi kes-kes yang melibatkan kelahiran yang tidak normal, si pesakit akan dihantar ke Hospital Daerah di Kuah. Sepanjang tahun 1990, seramai 38 orang anak dilahirkan di kawasan kajian dan hanya satu kes kelahiran di hospital dikesan. Daripada jumlah tersebut, 22 orang adalah perempuan dan 14 orang lagi adalah anak lelaki dan terdapat 2 kes kematian (lihat jadual 3.1).

Jadual 3.1: Kelahiran Anak di Pulau Tuba berdasarkan pecahan mengikut kampung dan Jantina pada tahun 1990 dan 1991

Nama Kampung	1990				1991 <sup>3</sup>			
	Lelaki	Perempuan	Kematian	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Kematian	Jumlah
Tuba	3	12	-	15	2	2	1	5
Lubuk Etok	3	1	1	5	1	-	-	1
Telok Berembang	8	17	1	16	1	1	-	2
Telok Bujur	-	2	-	2	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>14</b>	<b>22</b>	<b>2</b>	<b>38</b>	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>8</b>

Sumber: Klinik Desa, Pulau Tuba

<sup>3</sup> Data bagi tahun 1991 diperolehi setakat bulan April sahaja.

### 3.6 Upacara Kerat Pusat

Selepas menyambut budak, upacara kerat pusat dijalankan. Tujuannya ialah untuk memisahkan tali pusat dengan uri. Bagi bidan kerajaan, pemotongan dilakukan dengan gunting tanpa menjalankan sebarang upacara tetapi bidan kampung menggunakan kaedah yang berbeza.

Pada mulanya, bidan kampung akan mengikat tali pusat dengan tiga utas benang mentah. Kemudian pusat akan dialas dengan ibu kunyit dan dipotong dengan menggunakan sembilu. Teknik ini digunakan bagi mengelak tali pusat daripada masuk ke dalam rahim. Abu dapur diupar pada tali pusat dengan tujuan untuk mengecutkannya. Kemudian, pucuk pinang yang dicampur dengan kapur di upar sehingga halus dan disebatikan untuk dijadikan bedak dan disapu di bahagian pusat. Semasa tali pusat dipotong, bidan akan berselawat dan berniat menolong kerana Allah. Biasanya dalam jangkamasa tiga hari tali pusat akan tertanggal (luruh pusat). Selepas tanggal tali pusat, lada hitam yang dibelah kepada tiga bahagian dimasukkan ke dalam lubang pusat dan ditaburkan juga celak, iaitu debu hitam yang digunakan sebagai perhiasan mata. Tujuannya ialah untuk mengelakkan pusat daripada tersembul keluar.

Mengikut kepercayaan masyarakat di sini, kedalaman lubang pusat ada kaitan dengan untung nasib seseorang anak di masa hadapan. Mengikut kepercayaan juga, pusat yang lambat tanggal akan menyebabkan seseorang anak itu degil apabila besar nanti. Tali pusat dianggap sebagai sebahagian daripada anggota tubuh badan seseorang anak. Oleh itu tali pusat perlu disimpan untuk kegunaan mengubati penyakit yang dihadapi oleh anak pada masa hadapan.

### 3.7 Upacara Menanam Uri

Adalah dipercayai bahawa uri adalah sebahagian daripada jasad atau saudara kembar kepada bayi yang dilahirkan. Uri adalah penting kepada perkembangan hidup seorang anak, malah nyawa anak dikatakan dipengaruhi oleh uri. Oleh sebab itu uri perlu diselenggarakan dengan betul. Uri perlu dicuci dengan bersih bagi menghilangkan darah yang melekat padanya. Pengabaian terhadap uri dianggap sebagai perbuatan yang berdosa. Selepas dicuci, diletakkan asam, garam, lada dan paku di atas uri tersebut. Ini bukan sahaja untuk mengelakkan uri daripada busuk tetapi juga untuk mengelak bayi daripada gangguan kuasa jahat dan penyakit seperti kembung perut. Uri tersebut kemudiannya dibalut dengan kain yang bersih dan diikat dengan rapi. Uri yang telah siap dibungkus,

kemudiannya ditanam di kawasan berhampiran rumah, biasanya ini dilakukan oleh suami. Semasa menanam uri, dimestikan membaca selawat. Menurut kepercayaan, uri tidak boleh ditanam terlalu dalam demi untuk mengelakkan anak daripada lambat boleh bercakap.

### 3.8 Upacara Sambut Lampin

Selepas tali pusat selesai dipotong, anak dibersihkan dan diberi kain untuk menutup badan kemudiannya diserahkan kepada saudara mara yang berada di situ. Upacara penyerahan anak ini dikenali sebagai adat sambut lampin. Anak akan diserahkan kepada orang yang terpilih di kalangan mereka yang hadir. Keutamaan pemilihan biasanya kepada saudara wanita yang berumur dan paling dihormati kerana mempunyai sifat peribadi yang dinilai baik oleh keluarga seperti kuat amalan agamanya, baik pertuturannya dan elok kelakuannya. Tujuannya supaya anak tersebut akan mempunyai tabiat, perangai dan sifat peribadi sepetimana orang yang menyambut lampin apabila anak meningkat dewasa nanti.

Setelah upacara sambut lampin, anak diserahkan kepada bapanya untuk dilafazkan azan di kanan bagi anak lelaki dan iqamat di telinga kanan anak perempuan. Sekiranya bapa tiada semasa kelahiran kerana urusan

pekerjaan di luar rumah, datuk atau saudara lelaki yang telah dewasa dijemput untuk menjalankan upacara ini. Sekiranya tiada saudara lelaki, orang yang kuat amalan keagamaan akan dipanggil untuk menjalankan upacara ini. Amalan ini dilakukan untuk menyampaikan syariat Islam kepada anak di ketika anak memasuki dunia, supaya seruan Islam adalah seruan yang pertama dapat meresap masuk ke jiwa anak walaupun si anak masih belum memahami pengucapan tersebut. Di samping itu, amalan ini juga dilakukan untuk mengelakkan anak daripada gangguan kuasa jahat yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada anak.

### 3.9 Upacara Belah Mulut

Pada hari ke tiga selepas kelahiran, anak akan dibelah mulut. Upacara membela mulut dilakukan dengan meletakkan benda-benda manis atau barang yang berharga dan mempunyai nilai yang tinggi dalam masyarakat ke bahagian mulut anak. Biasanya upacara ini dilakukan oleh bidan kampung atau ahli keluarga yang tertua seperti datuk atau nenek. Bagi anak yang pertama, kadang kala orang yang alim dalam kampung dijemput semata-mata untuk menjalankan upacara tersebut. Amalan membela mulut dilakukan dengan tujuan dan harapan supaya anak akan manis mulut apabila besar nanti, iaitu setiap perkataan yang diucapkan ketika berinteraksi dengan anggota

masyarakat adalah perkataan yang baik dan bersopan, dan setiap perkataan serta pendapat yang dikemukakan akan diterima oleh masyarakat atau sekurang-kurangnya mengikut tingkah laku saudara yang menjalankan upacara tersebut. Selain daripada itu, upacara membelah mulut juga bertujuan membolehkan anak bercakap (tidak bisu, petah dalam berkata-kata dan ramah). Biasanya, peralatan yang digunakan untuk upacara ini berupa pisang, madu lebah, air zam-zam atau barang emas seperti cincin.

### 3.10 Upacara Cukur Rambut

Pada hari tanggalnya tali pusat (luruh pusat) ataupun pada hari ke tujuh selepas kelahiran atau ketika masih dalam pantang, dilangsungkan upacara cukur rambut. Menurut kepercayaan masyarakat yang dikaji, sekiranya hari ke tujuh jatuh pada hari selasa, upacara ini terpaksa ditangguh pada hari yang kesembilan. Hari yang dinilai elok untuk menjalankan upacara cukur rambut ialah pada hari Isnin, Khamis atau Jumaat. Bidan kampung akan dijemput untuk menjalankan upacara ini. Menurut kepercayaan juga, rambut anak mesti dicukur kerana rambut asal semasa anak dilahirkan dianggap kotor dan boleh mendatangkan penyakit kepada anak. Sebelum bercukur, terlebih dahulu bidan menyediakan tepung tawar. Tepung tawar disediakan dengan mencampurkan bedak sejuk, air dan

sintok. Tepung tawar disapukan pada rambut sebelum dicukur. Sebelum bercukur, bidan akan berselawat dan berniat. Terdapat dua kaedah bercukur, pertama, rambut dicukur kesemuanya, dan kedua, mencukur sebahagian daripada rambut dan membiarkan sebahagian kecil rambut seperti jambul di atas kepala (buat boyan). Kebanyakan kes yang ditemui, ialah mencukur keseluruhan rambut. Selepas bercukur, anak akan dimandikan dengan air yang disediakan khas untuk upacara ini. Rambut yang dicukur akan dikumpul dan ditanam oleh anggota keluarga biasanya bapa atau diletakkan bersama benih kelapa yang akan ditanam di halaman rumah (nyior rambut).

Hanya setelah dicukur rambut, barulah seseorang anak dibenar menaiki buaian. Biasanya, pada hari bercukur rambut, dilangsungkan kenduri aqiqah.<sup>4</sup> Bagi keluarga yang kurang berkemampuan untuk menjalankan aqiqah, memadai dengan mengadakan kenduri kecil, iaitu

---

<sup>4</sup> Ibadat aqiqah ialah penyembelihan binatang ternakan tertentu untuk bayi yang dilahirkan dan dilangsungkan pada hari ke-7 selepas kelahiran. Hasil penyembelihan itu dimasak dan dijamu (buat kenduri) atau disedekahkan kepada penduduk. Ia bertujuan mengumumkan kelahiran anak serta mengucap kesyukuran dan kegembiraan. Bagi anak lelaki kadarnya ialah 2 ekor kambing dan bagi anak perempuan seekor kambing, usia kambing mestilah melebihi 2 tahun. Jika anak tidak dapat diaqiqahkan ketika berusia 7 hari dibolehkan melakukannya pada bila-bila masa di sepanjang hidupnya kerana amalan ini merupakan tuntutan agama. Jika anak telah dewasa, adalah perlu baginya, melaksanakan ibadat ini untuk dirinya sendiri.

**kenduri cukur rambut.** Kenduri ini hanya melibatkan saudara mara yang tinggal berhampiran dan jiran-jiran yang rapat sahaja. Jamuan yang disediakan berupa pulut kuning dan sejenis lauk dan diikuti dengan bacaan doa selamat.

Pada majlis tersebut juga dilangsungkan upacara Berendoi. Upacara ini masih dilakukan semasa kajian dibuat. Berendoi ialah upacara **naik buai** dan pengucapan tentang kegembiraan dan kesyukuran ke atas kelahiran seorang anak. Persembahan dibuat oleh satu kumpulan berendoi yang dijemput khas. Kumpulan ini terdiri daripada penduduk tempatan dan menerima bayaran antara RM30.00 hingga RM40.00 untuk setiap persembahan mereka. Satu kumpulan berendoi biasanya terdiri daripada empat hingga sepuluh orang dan kesemuanya adalah lelaki. Kumpulan ini mengadakan persembahan dengan menyampaikan lagu-lagu tertentu sambil menghayun buaian. Irama serta rentak persembahan mirip kepada berzanji atau marhaban dengan pengawalan suara, dan irama lagu seperti dengung. Sebahagian daripada lagu adalah dalam bahasa Arab dan sebahagian lagi dalam bahasa Melayu. Biasanya upacara ini hanya dilakukan ke atas anak sulung oleh keluarga yang berkemampuan atau ibu bapa yang bernazar.

Lagu-lagu yang biasa dipersembahkan ialah lagu yang seni katanya berunsur nasihat dan pengharapan, seperti perihal pengorbanan ibu bapa semasa mengandung, melahir, membesar dan mendidik anak, nasihat kepada anak supaya menjadi orang yang berguna semasa besar nanti serta puji-pujian ke atas Nabi Muhammad s.a.w dan kaum keluarga baginda.<sup>5</sup>

Anak diletakkan di dalam buaian yang dihias indah, dengan menggantung berbagai jenis bunga, kuih-muih seperti ketupat dan baulu, buah-buahan seperti pisang dan barang kemas seperti cincin, gelang dan rantai. Kain untuk buaian terdiri dari tiga lapisan dengan warna yang berbeza. Di bawah buaian diletakkan pula beberapa buah bekas yang berisi air. Air ini akan digunakan untuk memandikan anak, iaitu selama tiga pagi berturut-turut sementara kain yang digunakan untuk buaian ditanggalkan sehelai demi sehelai selama tiga hari berturut-turut. Upacara ini masih diamalkan di Pulau Tuba sehingga sekarang.

---

<sup>5</sup> Antara lagu-lagu yang sempat dikumpulkan semasa kajian dilakukan dimuatkan di bahagian lampiran I.

### 3.11 Adat berpantang selepas bersalin

Selepas bersalin, ibu dikehendaki berpantang dan bertungku.<sup>6</sup> Mereka tidak dibenarkan keluar daripada kawasan persekitaran kediaman (kawasan kampung) dan tidak dibenarkan menziarahi rumah orang lain. Tempoh berpantang ialah selama 44 hari. Larangan ini bertujuan mengelakkan ibu daripada mendapat gangguan kuasa jahat atau dirasuk. Untuk mengelakkan gangguan tersebut juga, ibu sentiasa mengenakan paku di sanggul atau membawa benda-benda tajam ketika keluar dari rumah terutamanya semasa ke perigi atau mandi.

Dalam tempoh berpantang, ibu mengamalkan perubatan tradisi untuk memulihkan kesihatan. Bidan kampung dijemput datang ke rumah untuk mengurut sebaik sahaja selepas bersalin, dan amalan ini dijalankan selama tiga pagi berturut-turut. Kaedah urut yang biasa dilihat ialah urut dan pijak. Ia bertujuan memperbetulkan urat-urat dan mengecutkan saluran peranakan. Selain urut, ibu juga diberi ubat untuk diminum (ubat tanak) dan disapu serta minyak untuk kegunaan di bahagian luar

---

<sup>6</sup> Membakar besi dan mengalasnya dengan daun mengkudu atau daun pokok kapal terbang, kemudian dibungkus dengan kain untuk dikenakan kepada bahagian perut. Ia diamalkan setiap hari sehingga tamat tempoh berpantang.

badan. Pada hari yang ketiga, bidan kampung menyediakan air yang siap dijampi untuk kegunaan mandi ibu dan anak.

Selain daripada itu, ibu juga dilarang daripada memakan benda-benda tertentu terutamanya makanan yang sejuk sifatnya (benda sejuk) seperti labu, nangka, pisang dan kacang. Ketika dalam tempoh berpantang, ibu juga tidak dibenarkan mengambil ikan segar (ikan hidup) sebagai makanan terutama ikan yang mempunyai bahagian perut berwarna hitam. Perlanggaran pantang larang dikhuatiri akan menjadikan kesihatan ibu dan kesannya melibatkan kesan jangka pendek dan kesan jangka panjang seperti kesukaran untuk melahirkan anak pada masa hadapan atau berkemungkinan mengalami kemandulan.

Semasa dalam tempoh berpantang juga, biasanya pada hari yang ke 23 atau seterusnya, bidan kampung menyediakan air yang sudah dijampi (buat air) sebagai air pelepas untuk dijadikan mandian ibu yang berpantang. Dengan menyediakan air pelepas bermakna telah selesai tanggungjawab bidan terhadap ibu dan juga dengan kepercayaan bahawa segala penyakit atau gangguan jahat yang telah dialami oleh si Ibu tidak pula akan berbalik atau mengganggu bidan kampung.

Selepas tamat tempoh berpantang, ibu dikehendaki mandi air 44 atau mandi menyuci, iaitu mandi hadas besar untuk menyucikan diri dari darah nifas dan segala kekotoran lain, supaya dia dapat kembali menunaikan tanggungjawab agama.

Apabila tamat tempoh berpantang, anak dibawa turun daripada rumah. Upacara ini dikenali sebagai adat pijak tanah. Upacara ini biasanya dijalankan oleh anggota tertua dalam sesebuah keluarga. Anak dipakaikan dengan pakaian yang cantik dan dibawa memijak anak tangga satu persatu sehingga menyentuh tanah. Selepas upacara ini, bermakna anak sudah mula didedahkan kepada kehidupan sebenar dalam masyarakat dan ibu pula mula kembali menjalankan tugas-tugas biasa dalam masyarakat seperti keadaan sebelum bersalin.

### 3.12 Pemberian Nama Anak

Dalam masyarakat yang dikaji, nama bukan sekadar pengenalan untuk seseorang anak, tetapi mempunyai pengaruh yang rapat dengan personaliti seseorang. Terdapat beberapa kes ibu bapa menukar nama anak kepada nama lain kerana nama asal dikatakan tidak serasi sehingga menyebabkan anak tersebut sentiasa sahaja tidak sihat atau berpenyakit.

Contoh kes:

Taha tidak memanggil Mohd Izham kepada anaknya kerana semasa menggunakan nama tersebut anaknya sentiasa menangis dan kerap ditimpa penyakit tetapi setelah ditukar panggilan kepada Wira, anaknya tidak lagi mengalami keadaan sedemikian.

Anak yang sering sakit dan sukar pula diubati lazimnya diberi sebagai anak angkat kepada orang tertentu. Ibu bapa akan berpura-pura membuang anaknya dengan alasan sering ditimpa penyakit, dan pada masa yang sama, ada seseorang yang akan berpura-pura memberi kesanggupan untuk mengambil anak tersebut. Sebaliknya anak tersebut akan dipulangkan semula kepada ibu bapanya. Biasanya pemberian anak 'secara simbolis' ini melibatkan pertukaran nama oleh orang yang mengambilnya.

Nama juga dikaitkan dengan perangai seseorang. Oleh itu, ibu bapa cuba mengelakkan penggunaan nama anak mereka serupa dengan nama penduduk kampung yang memiliki perangai yang dianggap buruk.

Tiada upacara khas diadakan untuk memberi nama kepada anak. Nama yang dipilih untuk diberikan kepada anak bukan sekadar nama yang sedap didengar tetapi juga mempunyai makna yang baik. Kemungkinan nama anak biasanya telah dibuat oleh ibu bapa semenjak anak masih di dalam

kandungan. Nama-nama yang dipilih kadangkala dirujuk kepada orang yang alim sebelum didaftarkan untuk mengetahui kesesuaianya. Terdapat beberapa kes di mana anggota yang tertua dalam keluarga meminta atau disuruh memberi nama. Terdapat juga kes di mana nama yang didaftarkan tidak disukai oleh ibu bapa atau anggota keluarga lainnya tetapi mengikut semata-mata untuk menjaga hati orang yang menamakan anak tersebut. Bagi kes sebegini, nama di dalam laporan pendaftaran kelahiran berbeza dengan nama yang digunakan untuk panggilan harian.

Contoh kes:

Salmah dan suaminya memilih nama Nabilah untuk anak sulung yang baru dilahirkan. Pemilihan nama itu tidak disukai oleh bapa Salmah dengan alasan sebutannya tidak sedap didengar iaitu seakan-akan "bilah". Oleh itu beliau memberikan nama lain sebagai menggantikan nama Nabilah.